

**SOALAN NO. 289**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW [ KEPONG ]**

**TARIKH : 10 MAC 2015 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan perkembangan dalam pembangunan wanita serta pencapaian dan kelemahannya.**

**JAWAPAN:**

Kerajaan telah menggubal Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita (2009 – 2015) yang berhasrat untuk menjamin pembangunan dan pengupayaan wanita dengan mengarusperdanakan kepentingan wanita untuk mencapai potensi mereka sepenuhnya dalam perancangan dan pembangunan Negara. Dasar Wanita Negara ini mendukung prinsip tiada diskriminasi berdasarkan gender seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW).

Selaras dengan hasrat tersebut, Kementerian sentiasa memastikan usaha-usaha berterusan dilaksanakan oleh semua pihak agar keupayaan wanita dapat ditingkatkan untuk lebih menyumbang kepada pembangunan Negara dan pada masa yang sama memastikan kepentingan mereka terpelihara. Perkembangan wanita kini dapat dilihat terutamanya dari sudut kesihatan, pendidikan, ekonomi dan kepimpinan.

## **KESIHATAN**

Antara perkembangan wanita yang dapat dilihat ialah perkembangan dari sudut kesihatan. Jangka hayat ketika lahir (*life expectancy at birth*) wanita telah meningkat dari 76.3 tahun pada tahun 2007 kepada 77.2 pada tahun 2012. Bagi mortaliti ibu bersalin, kadar mortaliti bagi 100,000 kelahiran telah menurun dari 29.0 pada tahun 2007 kepada 25.6 pada tahun 2012.

Walaupun perkembangan kesihatan wanita dilihat berada di tahap yang baik, apa yang membimbangkan kerajaan adalah kadar kesuburan setiap wanita yang telah menurun daripada 2.3 pada tahun 2008 kepada 2.1 pada tahun 2012. Kajian Penduduk dan Keluarga Kebangsaan 2004 (MPFS 2004) menunjukkan fenomena kahwin lewat di kalangan wanita berpendidikan tinggi menyumbang kepada penurunan kadar kesuburan di Malaysia.

## **PENDIDIKAN**

Kemajuan wanita di bidang pendidikan juga dapat dilihat dengan nyata di Malaysia. Kadar celik huruf wanita di Malaysia telah meningkat dari 92.1 pada tahun 2013 berbanding 86.3 pada tahun 2000.

Begitu juga dari sudut pendaftaran pelajar di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS). Peningkatan jumlah dan peratusan pelajar wanita di IPTA dan IPTS adalah dilihat semakin ketara. Jumlah pelajar wanita di IPTA telah meningkat dari 304,597 (60.3%) orang pada tahun 2011 kepada 338,161 (61.1%) orang pada tahun 2013. Manakala di IPTS pula, jumlah pelajar wanita adalah seramai 248,581 (52.3%) orang pada tahun 2013 berbanding 205,099 orang (51.1%) pada tahun 2011.

Statistik tahun 2013 bagi pendaftaran pelajar wanita di IPTA dan IPTS menunjukkan peningkatan bagi pengajian di pelbagai peringkat, antaranya:

- i. pada peringkat sijil, menunjukkan 65.0% di IPTA, dan 49.9% di IPTS;
- ii. pada peringkat diploma, menunjukkan 59.5% di IPTA, dan 54.0% di IPTS;
- iii. pada peringkat sarjana muda menunjukkan 63.1% di IPTA, dan 51.0% di IPTS);
- iv. pada peringkat diploma pasca ijazah, menunjukkan 57.5% di IPTA; dan pada peringkat sarjana, menunjukkan 59.3% di IPTA, dan 55.1% di IPTS.

Walau bagaimanapun, pelajar wanita di peringkat kedoktoran adalah lebih rendah berbanding pelajar lelaki. Pada tahun 2013, IPTA hanya

mencatatkan peratusan sebanyak 44.8% pelajar wanita di IPTA dan 32.6% pelajar wanita di IPTS.

## **EKONOMI**

Berdasarkan penyiasatan tenaga buruh yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar penyertaan wanita dalam pasaran pekerjaan telah menunjukkan peningkatan daripada 45.9% pada tahun 2005 kepada 52.4% pada tahun 2013. Kadar penyertaan terkini pada suku ketiga tahun 2014 adalah 54.0%. Kadar ini menunjukkan sasaran 55% penyertaan wanita dalam tenaga kerja yang ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011-2015) berada pada landasan yang betul.

## **KEPIMPINAN**

Kerajaan telah menetapkan Dasar Sekurang-kurangnya 30 Peratus Wanita di Peringkat Pembuat Keputusan dalam Sektor Awam pada tahun 2004. Dasar ini telah menunjukkan pencapaian yang amat menggalakkan. Peratusan wanita yang menyandang jawatan utama sektor awam (JUSA) telah meningkat daripada 18.8% pada tahun 2004 kepada 25.2% pada tahun 2006 dan telah melonjak kepada 33.7% pada tahun 2013. Pada

tahun 2014, terdapat 7 orang wanita yang menjawat jawatan sebagai Ketua Setiausaha Kementerian dan 25 orang wanita yang menjawat jawatan sebagai Ketua Pengarah Jabatan Persekutuan dan Badan Berkanun.

**Dasar Bagi Memastikan Sasaran Sekurang-kurangnya 30 Peratus Wanita Di Peringkat Pembuat Keputusan Dalam Sektor Korporat yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 27 Jun 2011 merupakan satu langkah affirmative Kerajaan yang diyakini dapat meningkatkan bilangan wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor korporat, seterusnya membolehkan mereka meningkatkan sumbangan dalam bidang ekonomi.**

Kini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sedang memastikan kumpulan wanita yang kompeten dapat diketengahkan sebagai ahli lembaga pengarah di syarikat tersenarai awam (*PLC*). Sehingga 31 Disember 2014, jumlah penempatan ahli lembaga pengarah wanita di syarikat tersenarai awam atau *Public Listed Companies* (*PLC*) di Bursa Malaysia adalah seramai 669 atau 10.2 peratus daripada jumlah keseluruhan 6,559 penempatan. Daripada jumlah tersebut, jumlah penempatan wanita sebagai Pengurus (*Chairman*) adalah seramai 15

jawatan dan perlantikan sebagai Ketua Pengarah Eksekutif/ Ketua Pegawai Eksekutif (*Chief Executive Director/ Chief Executive Officer*) adalah seramai 12 jawatan.

Di bidang politik pula, Kerajaan turut mengambil langkah berterusan dalam memperjuangkan hak wanita melalui Dasar Wanita Negara, iaitu membangunkan potensi dan mendayaupayakan wanita dalam semua sektor dan memastikan pandangan dan suara wanita diterima pakai dalam proses membuat keputusan di semua peringkat. Sehubungan itu, kerajaan telah menggubal Pelan Tindakan Pembangunan Wanita pada tahun 2009. Salah satu objektif khusus Pelan Tindakan ini ialah mencapai sekurang-kurangnya 30% penglibatan wanita di DUN, Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Secara keseluruhannya, terdapat peningkatan bilangan calon wanita semasa Pilihanraya Umum (PRU) Ke-13 iaitu seramai 168 orang berbanding semasa PRU Ke-12 iaitu 120 orang. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 40% berbanding PRU-12. Bagaimanapun, parti-parti politik yang merupakan *stakeholders* utama perlu terus mengambil perhatian dan melaksanakan strategi dan program yang digariskan dalam

Pelan Tindakan Pembangunan Wanita. Kejayaan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita ini amat bergantung kepada kesediaan, komitmen dan keyakinan pemimpin-pemimpin parti politik dalam membuka lebih banyak ruang dan peluang di peringkat *entry point* bagi meningkatkan penyertaan wanita dalam bidang politik dan seterusnya sebagai calon dalam pilihan raya.

KPWKM masih perlu untuk meningkatkan usaha dalam memastikan pembangunan wanita sentiasa diberi perhatian dan keutamaan agar objektif untuk melihat wanita di Malaysia mempunyai daya saing yang tinggi di samping dapat turut mengecapi denyut arus pembangunan negara. Justeru, KPWKM akan sentiasa mengkaji inisiatif-inisiatif yang relevan bagi mencapai hasrat tersebut di samping melaksanakan lebih banyak program-program kesedaran kepada wanita dalam pelbagai bidang seterusnya memastikan peningkatan kadar penyertaan wanita dalam pelbagai sektor.

**SOALAN ( 290 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM LIP ENG  
[ SEGAMBUT ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. TUAN LIM LIP ENG [ SEGAMBUT ] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan status terkini permohonan bagi mewartakan Taman Awam Berskala Besar di Bukit Kiara Kuala Lumpur, nombor dan saiz lot-lot yang terbabit dan apakah pembangunan yang dipohon berhubung Lot 31357 di padang Balai Polis Taman Tun Dr. Ismail.**

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat lima (5) lot yang terlibat di dalam Taman Awam Berskala Besar (TABB) yang berkeluasan 379.555 ekar di Bukit Kiara, Kuala Lumpur iaitu:

- i) Lot 54265 - 3.88 ekar;
- ii) Lot 54267 - 222.574 ekar;
- iii) Lot 54268 - 100.154 ekar;
- iv) Lot 54269 - 39.958 ekar; dan
- v) Lot 54270 – 12.989 ekar

Walaubagaimanapun, kelima-lima lot tersebut dalam proses untuk diwartakan. Manakala Lot 31357 adalah tidak termasuk di dalam lot TABB.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2015